



**MALAY *AB INITIO* – STANDARD LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS *AB INITIO* – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO *AB INITIO* – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1**

Monday 16 May 2005 (morning)

Lundi 16 mai 2005 (matin)

Lunes 16 de mayo de 2005 (mañana)

1 h 30 m

---

TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for Paper 1.
- Answer the questions in the Question and Answer Booklet provided.

LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la Prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

**TEKS A**

## ***Maklumat Kesihatan daripada Abadi Laboratories***

### **Memahami Batuk dan Kahak**

Pada musim panas, ramai orang di Malaysia batuk. Batuk terjadi apabila laluan udara untuk bernafas tersekat. Tujuannya adalah untuk membersihkan laluran udara supaya kita dapat bernafas seperti biasa. Kahak adalah cecair pekat yang terjadi dalam dan hidung.

### **Jenis dan Ciri-Ciri Batuk**

Ada tiga jenis batuk yang berlainan:

#### ► **BATUK TIDAK BERKAHAK**

- Rasa kering, gatal dan pedih di tekak.
- Rasa gatal dan kering di tekak boleh menyebabkan batuk tidak berkahak.
- Batuk ini disebabkan oleh jangkitan kuman.
- Batuk jenis ini biasanya boleh pulih dengan sendiri.



#### ► **BATUK DARI DADA DAN BERKAHAK**

- Batuk bermula dari dada dan mengeluarkan kahak. Batuk ini terjadi bila adanya jangkitan di dalam paru-paru. Kahak merupakan cecair pekat dalam tekak dan kadang-kadang terdapat darah dalam kahak. Selalunya apabila ini terjadi, penyakit batuk sudah teruk.



#### ► **BATUK DARI DADA TETAPI TIDAK BERKAHAK**

- Batuk daripada dada tetapi tidak ada kahak.
- Ini mungkin disebabkan oleh tekanan dalam paru-paru.

### **Apakah yang Harus Anda Lakukan Jika Anda Batuk?**

- Pastikan apa jenis batuknya.
- Adakah batuk anda berkahak?
- Pastikan sama ada anda mahu mengubatinya sendiri atau berjumpa doktor?
- Jika mahu mengubatinya sendiri cubalah ubat batuk produk baru kami yang boleh mengubati batuk berkahak. Ia boleh didapati daripada semua farmasi dan kedai ubat.

*Maklumat untuk pengetahuan anda tentang  
Satu lagi ubat batuk produk baru kami  
ABADI LABORATORIES (M0 SDN.BHD.)*


---

NOTA KAKI: Kahak adalah cecair pekat yang keluar daripada tekak semasa batuk.

**TEKS B**

16, Kampung Benta,  
28020 Temerloh,  
Pahang Darul Makmur.

26 September 2004



Menemui Saudara Khairul di Ipoh, semoga sihat sejahtera.

Saudara,

Ke manakah saudara pada cuti sekolah yang lalu? Saya berpeluang mengikuti program Bersama Keluarga Angkat di Kampung Baru, Beserah, Kuantan. Ketika mula-mula menjelaskan kaki di kampung ini, saya dan para peserta lain terpegun oleh keindahan alam sekitarnya. Persekutaran kampung ini benar-benar menenangkan fikiran kami.

Sepanjang program ini, kami tinggal dengan keluarga angkat masing-masing. Bagi kebanyakan penduduk kampung ini, laut adalah sumber pendapatan mereka yang utama. Namun demikian, mereka turut melakukan pekerjaan sampingan seperti menghasilkan ikan kering, membuat belacan, dan membuat keropok untuk menambah pendapatan.

Semasa berada di sini, saya berpeluang melihat cara-cara ikan ditangkap oleh nelayan, dan dijual kepada peniaga yang sudah menunggu mereka di darat. Di samping itu, saya turut membantu keluarga angkat saya membuat keropok ikan.

Saya turut menyertai majlis-majlis yang dianjurkan oleh masyarakat setempat. Saya mendapati bahawa semangat kejiranan dan semangat tolong-menolong amat kukuh di kalangan penduduk kampung ini.

Semua pengalaman dan pengetahuan yang saya peroleh daripada program tersebut berharga sekali. Pengalaman ini tidak akan saya lupakan selama-lamanya.

Hanya setakat ini yang dapat saya tulis untuk saudara. Akhir kata, sambutlah salam mesra daripada saya untuk saudara serta seisi keluarga.

Yang benar

*Azmin*



**TEKS C**


Kempen yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia ini bertujuan untuk memperkenalkan Program Cuti-Cuti Malaysia 2004/05. Melalui kempen ini Kementerian ingin membetulkan anggapan orang ramai bahawa melancong dalam negara membazirkan wang dan masa. Kementerian berpendapat bahawa pelancongan dalam negara juga mampu meningkatkan ekonomi negara terutamanya apabila terjadi krisis di luar negara. Oleh itu, rakyat Malaysia perlu mendapatkan kemudahan daripada pelancongan tempatan. Kementerian telah menyusun beberapa aktiviti dan acara menarik sepanjang tahun 2004 dan 2005.

Satu tarikan Kempen Cuti-Cuti Malaysia ialah Karnival Jualan Mega Malaysia. Tiap-tiap tahun karnival ini diadakan pada bulan Mac, Ogos dan Oktober. Tujuan karnival ini adalah untuk mengajak rakyat Malaysia dan para pelancong membeli-belah barang keperluan mereka di Malaysia. Semasa karnival ini para peniaga memberi potongan harga sehingga 70 peratus. Karnival ini diadakan serentak di seluruh Malaysia. Pelancaran rasminya dibuat di bandar-bandar besar di Malaysia.

Pelbagai pakej pelancongan ditawarkan pada harga yang amat berpatutan. Jadi, apa lagi? Pergilah melancong.

KARNIVAL JUALAN MEGA MALAYSIA				
PROGRAM	MULA	TAMAT	TEMPAT	
Karnival Jualan Mega Malaysia Mac	1 Mac	4 April	Seluruh Negara	
Pelancaran Rasmi	1 Mac		Pulau Pinang	
Karnival Jualan Mega Malaysia Ogos	7 Ogos	5 Sept.	Seluruh Negara	
Pelancaran Rasmi	7 Ogos		Kuala Lumpur	
Karnival Jualan Mega Malaysia Disember	30 Okt.	2 Jan 05	Seluruh Negara	
Pelancaran Rasmi	30 Okt.		Kuching	

## TEKS D



Nita sayang,

Mak kena balik kampung dengan segera. Pagi tadi Mak Usu kamu telefon. Katanya datuk sakit tenat selepas jatuh di bilik air. Mak tergesa-gesa keluar rumah tadi sampai tidak sempat mengangkat baju di jemuran. Jangan lupa mengangkatnya sebelum matahari jatuh.

Apabila Nita tiba di rumah nanti, ambillah kunci rumah di rumah Cik Lijah. Mak hanya masak nasi goreng. Nita makanlah dulu. Selepas itu, telefon ayah di pejabat. Beritahu ayah tentang berita dari kampung. Sebenarnya, mak cuba menelefon ayah sebelum balik ke kampung tetapi ayah tiada di pejabatnya.

Nita jangan lupa menemani adik Julia ke kelas mengaji Quran. Kalau tiada apa-apa halangan, mak akan balik ke rumah malam ini juga dengan Pak Long. Jangan bimbang akan mak dan keadaan datuk di kampung. Doakan saja semoga datuk selamat.

Sampaikan salam mak kepada Cik Lijah. Mak mengucapkan terima kasih kerana dia sanggup menunggu Nita balik dari sekolah dan menyampaikan pesanan ini. Beruntung kita kerana tinggal berjiran dengannya.

*Mak*